

## **KAJIAN KRITIK MATAN TERHADAP HADIS-HADIS YANG MENGANDUNGI LAFAZ TIDAK LAYAK BAGI NABI**

Oleh:

Nur Muhammad Anas bin Mohd Razak<sup>1</sup>  
Mohd Arif bin Nazri<sup>2</sup>

Corresponding Author: email: [ibnurazak10@gmail.com](mailto:ibnurazak10@gmail.com)

### **Abstrak**

*Ulama hadis berusaha memelihara hadis Nabi SAW daripada dicemari oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan menetapkan kaedah tertentu untuk mengenali hadis-hadis bermasalah dan palsu. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan salah satu kaedah mengenali hadis palsu berdasarkan matan yang mengandungi lafaz tidak layak diungkap oleh seorang Nabi. Kajian ini diaplikasikan terhadap beberapa hadis palsu yang terpilih. Kajian menggunakan metodologi kajian kepustakaan. Setiap data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan metode induktif dan analisis kandungan. Kajian mendapati sebanyak 2 kriteria utama hadis palsu berdasarkan matan yang berunsur ungkapan tidak layak bagi Nabi iaitu ucapan yang mengandungi samājah (olok-olok) dan*

---

<sup>1</sup> Pelajar PhD, Fal Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Emel: [ibnurazak10@gmail.com](mailto:ibnurazak10@gmail.com)

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fal Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Emel: [mohdarif@ukm.edu.my](mailto:mohdarif@ukm.edu.my)

*mengandungi rakākah alfāz (kejelikan lafaz). Kajian ini membawa implikasi positif dalam mendepani penyebaran hadis palsu dalam kalangan masyarakat yang semakin menular mutakhir ini. Harapan kajian adalah dapat menambah sumbangan kepada perbendaharaan ilmu mengenai kajian kritik hadis secara khusus di samping membantu umat Islam bersikap lebih berjaga-jaga menerima hadis Nabi SAW lalu menyebarkannya tanpa semakan bagi memelihara martabat dan kedudukannya yang tinggi dalam agama Islam.*

**Kata Kunci:** *Kritik, Matan, Hadis, Samājah, al-Rakākah alfāz*

## 1.0 PENDAHULUAN

Penyebaran hadis palsu tanpa menjelaskan kepalsuannya adalah salah satu daripada dosa-dosa besar. Pembohongan serta bersekongkol dengannya merupakan suatu kesalahan di sisi agama lebih-lebih lagi sekiranya pembohongan itu menggunakan nama Allah SWT dan Nabi SAW. Implikasinya sangat besar dalam agama kerana melibatkan sumber hukum utama. Seseorang yang terpedaya dengan penipuan tersebut akan mengamalkan sesuatu yang dianggap *thābit* daripada wahyu sedangkan hakikatnya tidak demikian. Sekiranya kandungan atau dakwaan melalui pembohongan itu jelas bercanggah dengan fakta maka agama akan dilihat teruk serta dipersalahkan. Nabi SAW telah memberi amaran yang jelas:

إن كذبا علي ليس ككذب علي أحد، من كذب علي متعمدا،  
فليتبوأ مقعده من النار

Maksudnya:

*“Sesungguhnya berbohong ke atasku tidak sama berbohong ke atas orang lain. Sesiapa yang berbohong ke atasku dengan sengaja, maka bersiaplah tempatnya di dalam neraka.”<sup>3</sup>*

Pemeliharaan hadis Nabi SAW telah berlaku sepanjang zaman. Sejak zaman para sahabat r.a. telah dilakukan pelbagai usaha memelihara hadis daripada diselewengkan. Ahli-ahli hadis berusaha melakukan pelbagai perkara sehingga menyenaraikan beberapa kelompok yang pernah memalsukan hadis. Menurut Ibn al-Ṣalāḥ, golongan pemalsu hadis boleh dibahagikan berdasarkan beberapa kategori dan yang paling besar kemudaratanya adalah kelompok yang menyandarkan diri mereka kepada golongan zuhud. Mereka memalsukan hadis dengan dakwaan semata-mata mengharapkan pahala, maka manusia menerima tanpa menyemaknya disebabkan kepercayaan dan kecenderungan terhadap golongan tersebut. Kemudian, ulama-ulama hadis bangkit membongkarkan kejahatan tersebut dan melenyapkannya.<sup>4</sup>

<sup>3</sup> al-Bukhārī, Abī ʿAbdullah Muḥammad bin Ismāʿīl. 2001. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Damsyik: Dār Tuq al-Najāh. Hlm 80/2.

<sup>4</sup> Ibn al-Ṣalāḥ, Uthmān bin ʿAbd al-Raḥmān. 1986. *ʿUlūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr al-Muʿāṣir. Hlm 99.

Di samping itu, terdapat juga sebahagian ahli hadis berusaha mewujudkan metode khusus bagi memudahkan umat Islam mengenali hadis palsu melalui matan. Menurut al-Dumaynī, Ibn al-Jawzi merupakan tokoh hadis yang memulakan langkah menetapkan kriteria-kriteria khusus bagi hadis palsu lalu dikembangkan lagi oleh Ibn al-Qayyim yang juga salah seorang tokoh hadis pada kurun ke-7.<sup>5</sup>

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Secara umum, kajian berkaitan dengan *naqd al-mutūn* atau kritik matan hadis sangat luas untuk dibincangkan. Justeru, kajian menetapkan fokus terhadap beberapa hadis palsu terpilih yang berunsurkan lafaz yang tidak layak diungkapkan oleh Nabi SAW. Pengumpulan data dalam kajian ini mengaplikasikan kajian kepustakaan. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan merupakan suatu kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Usaha ini membolehkan pengumpulan setiap data yang bersifat sekunder dapat dilakukan sebagai sokongan terhadap dapatan kajian. Fungsinya juga dapat memberikan gambaran permulaan dan hala tuju kajian. Seterusnya, kajian ini dijalankan dengan analisis data yang telah dikumpul berdasarkan ulasan dan kritikan ahli-ahli hadis berdasarkan karya-karya

---

<sup>5</sup> Misfar Ibn Ghurm Allah al-Dumaynī. 1984. *Maqāyīs Naqd Mutūn al-Sunnah*. Riyadh. Hlm 5.

mereka sebagai sumber primer. Kajian ini turut mengaplikasikan metode induktif iaitu membuat kesimpulan bersifat umum daripada data-data yang bersifat khusus untuk menganalisis segala data yang dikumpul.

### 3.0 KRITIK MATAN HADIS

Ilmu Kritik Matan atau *Naqd al-Mutūn* merupakan kajian yang terbentuk dengan beberapa kriteria tertentu terhadap penelitian kesahihan matan hadis. Ilmu ini sangat signifikan kerana berkait langsung dengan penilaian sumber utama dalam agama iaitu hadis Nabi SAW.

Istilah kritik bermaksud analisis atau penilaian dan teguran terhadap sesuatu karya seni selain disebut sebagai teguran keras, kecaman dan bidasan.<sup>6</sup> Menurut kesusasteraan Bahasa Inggeris, perkataan *critic* (kritik) dimaksudkan dengan seseorang yang bercakap mengenai perkara yang tidak diterima pada seseorang atau sesuatu selainnya.<sup>7</sup> Kritik dalam bahasa Arab kebiasaannya disebut dengan istilah *naqd*. Menurut Ibn Fāris: *Naqd: al-Nun, al-Qaf, al-Dal* asal yang sah menunjukkan maksudnya mengeluarkan sesuatu yang zahir dan menonjolkannya. Begitu juga dalam bab ini *naqd* dirham adalah untuk mendedahkan

---

<sup>6</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 830.

<sup>7</sup> Colin McIntosh. 2015. *Cambridge Advanced Learner's Dictionary Fourth Edition*. United Kingdom: University of Cambridge. Hlm 358.

keadaannya dalam kualiti atau sebaliknya.<sup>8</sup> Berdasarkan pendapat Ibn Manzūr, maksud *naqd* dan *tanqād* adalah membezakan dirham serta menghilangkan yang palsu daripadanya.<sup>9</sup> Istilah *naqd* pada sudut ilmu hadis pula bermaksud suatu penelitian bagi membezakan hadis-hadis yang sahih daripada kelompok hadis-hadis daif selain penilaian secara *jarḥ* dan *taʿdīl* terhadap para perawinya dengan perkataan yang tertentu serta bukti-bukti yang dimaklumi oleh ahli hadis.<sup>10</sup>

Matan berasal daripada bahasa Arab iaitu gabungan daripada huruf *al-mim*, *al-ta'* dan *al-nun*. Istilah ini merujuk makna kepejalan sesuatu objek beserta lebar dan panjangnya.<sup>11</sup> Menurut ahli hadis, matan ialah apa yang terkandung setelah berakhirnya rantaian sanad.<sup>12</sup>

Secara umum, istilah kritik matan yang digabungkan bersama ini tidak ditemui definisi dalam kalangan ulama hadis dengan makna yang

---

<sup>8</sup> Ibn Fāris, Abū Ḥussīn Aḥmad bin Fāris bin Zakariyā', 1979, *Muʿjam Maqāyīs al-Lughah*. Dār al-Fikr. Hlm 467.

<sup>9</sup> Ibn Manzūr, Abī Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukrim Ibn Manzūr al-Ifrīqī. 1414H/1993M. *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dār Ṣādir. Hlm 425/3.

<sup>10</sup> Abū Dāwud al-Sajestānī, Abū Dāwud Sulaymān ibn al-Ash'ath Ibn Ishāq al-Azdī al-Sajestānī. 1979. *Su'alat Abī Abid al-Ajri Abā Dāwud al-Sajestānī fī al-Jarḥ wa al-Taʿdīl*. Madīnah al-Munawwarah: ʿImādah al-Bahath al-ʿIlmī bi al-Jāmiʿah al-Islāmiyah al-Madīnah al-Munawwarah. Hlm 45.

<sup>11</sup> Ibn Fāris, Abū Ḥussīn Aḥmad bin Fāris bin Zakariyā', 1979, *Muʿjam Maqāyīs al-Lughah*. Dār al-Fikr. Hlm 294/5.

<sup>12</sup> al-Suyūṭī, ʿAbd al-Raḥmān bin Abū Bakar bin Muḥammad Ibn Sābiq al-Dīn al-Suyūṭī. 1415H/1994M. *Tadrīb al-Rāwī fī sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Riyadh: Maktabah al-Kawthar. Hlm 28.

disepakati dan secara menyeluruh.<sup>13</sup> Kritik matan ini telah ditemui terminologinya dengan pelbagai pandangan oleh para pengkaji hadis. Menurut Shafeeq Vengara, kritik matan hadis membawa beberapa maksud dan salah satunya penyesuaian antara matan riwayat dan perkara yang bertentangan dengannya, sama ada yang dikemukakan oleh hadis atau al-Quran atau kaedah atau kefahaman rasional yang betul. Kedua, melakukan *tarjih* kepada sebahagian matan daripada matan yang lain. Ketiga, meninggalkan hadis yang diterima berdasarkan pertentangan kandungannya dengan nas atau akal yang sihat. Keempat, melakukan kritikan terhadap matan, sekalipun hadis itu termasuk dalam kelompok hadis yang diterima ketika kritikan secara umum. Kelima, menolak hadis berdasarkan pertentangan kandungannya dengan nas atau kaedah atau konsep rasional termasuk juga dengan kesahihan rantaian sanadnya. Berdasarkan beberapa definisi yang dinyatakan tersebut, definisi yang ketiga lebih banyak dilihat serta dipraktikkan dalam kalangan para ahli hadis. Selain itu, isu kritikan matan ini dalam kalangan ahli hadis semasa, mereka dilihat menggunakan definisi yang kelima dalam mengaplikasikan istilah ini sehingga merujuk kepada akal rasional untuk menyanggah sebahagian hadis-hadis yang bermasalah.<sup>14</sup>

---

<sup>13</sup> Nahlā' binti Ḥamdān al-Ḥarbī. 1435H/2014M. *Ma'āyir Naqd Matn 'ind Imām al-Khaṭṭabī*. Tesis Sarjana. Taibah University, Arab Saudi. Hlm 27

<sup>14</sup> Shafeeq Vengara. 2018. *Naqd Matn al-Ḥadīth: Tārīkhhu wa Maqāyisuhu wa manāhij al-'Ulamā' Fīhi*. Tesis Sarjana. Darul Huda Islamic University, Kerala, India. Hlm 24-25.

Perkembangan ilmu ini telah melalui beberapa fasa penting dalam sejarah Islam. Menurut Abdul Aziz, kritik matan hadis telah mengalami lima fasa masa utama dan ia bermula ketika zaman Nabi SAW masih hidup. Kedua, kritik matan hadis terus berkembang pada zaman para sahabat selepas kewafatan Nabi SAW Seterusnya, perkembangannya tidak terhenti malah terus berlaku zaman para tabiin. Keempat, fasa selanjutnya terus diaplikasi ketika zaman tabi tabiin. Kelima, proses perkembangannya terus berlangsung dan dilakukan pada zaman pasca tabi tabiin sampai ke abad yang ketujuh hijrah.<sup>15</sup>

Budaya kritikan matan bermula pada zaman Nabi SAW. Perkara ini kerana kecenderungan para sahabat bagi memastikan sesuatu hadis benar-benar daripada Nabi SAW selain mengklasifikasikan yang benar dan salah bagi sesuatu ungkapan Nabi SAW.<sup>16</sup>

Kritik matan hadis terus berlaku dalam kalangan para sahabat selepas kewafatan Nabi SAW. Hal ini kerana telah bermula pergeseran signifikan kritik terhadap beberapa faktor seperti hadis bukan lagi

---

<sup>15</sup> Abdul Aziz. 2015. *Periodisasi kritik matan hadis (Analisis perkembangan metodologi kritik matan hadis sejak periode permulaan sampai periode pasca atba al-tabi'in)*. Tesis Sarjana Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta. Hlm 9.

<sup>16</sup> Thoha Saputra. 2008. *Kritik Matan Hadis: Studi Komparatif Pemikiran Ibn Qayyim al-Jauziyyah dan Muhammad al-Ghazali*. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta. Hlm 17.



diriwayatkan dari sumber pertama atau kedua sehinggalah ke sumber seterusnya. Kedudukan mereka ini kerana jauh berbeza daripada sumber pertama iaitu Nabi SAW.<sup>17</sup>

Mustafā al-Sibā'ī berpendapat beberapa orang sahabat yang dikenali sebagai *al-nuqād al-ḥadīth* seperti Ibn ʿAbbās r.a., ʿUbādah bin al-Ṣāmit r.a. dan Anas bin Mālīk r.a..<sup>18</sup> Terdapat juga pengkaji lain yang berpandangan zaman sahabat sudah mula rancak kritikan yang berlaku pada sudut matan hadis malah telah wujud metode khusus dalam kritikan matan berdasarkan beberapa sahabat tertentu seperti ʿĀ'ishah r.a., ʿUmar r.a., ʿAlī r.a., Ibn Masʿūd r.a., Ibn ʿAbbās r.a..<sup>19</sup>

Budaya kritik matan terus berkembang pada generasi seterusnya iaitu zaman tabiin setelah berakhirnya era para sahabat. Zaman ini budaya kritik matan lebih rancak dalam kalangan ahli-ahli hadis. Penerapan kaedah yang lebih khusus telah berlaku antaranya seperti kaedah *muʿāraḍah* iaitu penyesuaian konsep dalam kritikan matan hadis dilakukan. Kaedah *muqārannah* atau perbandingan pada zaman ini juga turut berlaku. Walau bagaimanapun kaedah *muʿāraḍah* lebih banyak diamalkan pada zaman ini. Kaedah *muʿāraḍah* merupakan penyesuaian

<sup>17</sup> M. Suryadinata, Kritik Matan Hadis: Klasik hingga Kontemporer. Hlm 113.

<sup>18</sup> Mustafā al-Sibā'ī. 2000. *al-Sunnah wa Makānatuha fī al-Tashrīʿ*. Dār al-Warāq. Hlm 129.

<sup>19</sup> Ṣalāḥ al-Dīn bin Aḥmad al-Idlibī. 1434H/2013H. *Manhaj Naqd al-Matn ʿind ʿulamā' al-Ḥadīth al-Nabawī*. Kaherah: Mu'asasah Iqrā' al-Khiryah. Hlm 122-159.

konsep pada setiap matan hadis agar tetap terjaga malah bersesuaian dan selaras antara satu sama lain seperti sesuatu kandungan hadis tidak bercanggah secara jelas dengan dalil syariat yang lain.<sup>20</sup>

Selanjutnya, budaya kritik terus berlaku pada zaman kemudian iaitu pada era *tabi tabiin*. Proses kodifikasi sesuatu hadis disusun dengan lebih cermat berdasarkan bab-bab tertentu. Seperti contoh, pada fasa ini bermulanya pemilihan hadis-hadis yang dihimpun secara tidak tersusun sebelumnya kepada pengemaskinian hadis-hadis berdasarkan bab-bab yang lebih khusus dan bersistematik. Kedua, wujudnya metode ahli hadis menerangkan status setiap hadis daripada sudut kesahihannya. Ketiga, munculnya usaha mengelaskan hadis-hadis Nabi SAW dengan fatwa-fatwa para sahabat dan *tabiin*.<sup>21</sup>

Proses budaya kritik matan lebih berkembang pada fasa seterusnya. Zaman ini dikenali sebagai era pasca *tabi tabiin* sehingga ke abad tujuh hijrah. Fasa ini dikenali sebagai fasa *muta'akhirin*. Kritik matan hadis telah dikaji dengan lebih serius pada abad keenam apabila munculnya karya yang dikarang oleh Ibn al-Jawzī iaitu kitab yang

---

<sup>20</sup> al-Munawar, S. (2016). Metode Kritik Matan Hadis Menurut Pandangan Muhadditsin Mutaqaddimin. *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin*, 148-165.

<sup>21</sup> Abdul Aziz. 2015. *Periodisasi kritik matan hadis (Analisis perkembangan metodologi kritik matan hadis sejak periode permulaan sampai periode pasca atba al-tabi'in)*. Tesis Sarjana Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta. Hlm 164.

berjudul *al-Mawdū'āt*. Lalu, usaha Ibn al-Jawzī diteruskan pula oleh Ibn al-Qayyim yang merupakan seorang tokoh hadis terkenal pada abad ke-7 hijrah. Ibn al-Qayyim menghasilkan sebuah kitab berkaitan kajian kritik matan berjudul *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍa'īf*. Beliau menyambung usaha Ibn al-Jawzī dengan mengklasifikasikan beberapa ciri khusus serta turut mengimplementasikannya terhadap setiap hadis palsu yang dikumpul tersebut.<sup>22</sup>

#### 4.0 WAHYU DAN UCAPAN NABI

Menurut al-Ghazālī, ucapan Nabi SAW merupakan hujah. Bukti mukjizat terhadap kebenarannya dan perintah Allah SWT untuk manusia mengikutinya. Nabi SAW tidak akan mengucapkan sesuatu mengikut keinginannya, segala yang diucapkannya itu tidak lain hanya wahyu yang diwahyukan kepada baginda.<sup>23</sup> Allah berfirman:

وما ينطق عن أهوى ﴿٣٤﴾ إن هو إلا وحي يوحى ﴿٣٥﴾  
al-Najm 27:3-4

Maksudnya:

*“Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu*

<sup>22</sup> Misfar Ibn Ghurm Allah al-Dumaynī. 1404H/1984M. *Maqāyīs Naqd Mutūn al-Sunnah*. Riyadh. Hlm 5.

<sup>23</sup> al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. 1993. *al-Mustasfā*. Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyah. Hlm 103.

*(sama ada Al-Quran atau Hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.”*

Ibn Kathīr mentafsirkan ayat keempat daripada surah al-Najm dengan mengatakan: “Sesungguhnya Nabi SAW mengucapkan sesuatu apa yang diperintahkan kepadanya. Baginda akan menyampaikannya kepada manusia secara keseluruhan tanpa menambahkan dengan sesuatu dan tidak pula mengurangkannya.”<sup>24</sup> Berhubung dengan beberapa penjelasan ulama yang dinyatakan, ringkasnya segala yang diucapkan Nabi SAW merupakan wahyu daripada Allah SWT dan bukanlah ucapan yang bersandarkan keinginan tertentu. Ibn al-Qayyim berkata: “Semua ucapan baginda adalah wahyu sehinggakan diketahui hadis palsu dengan sifatnya yang tidak menyerupai dengan wahyu, bahkan tidak menyerupai juga dengan kata-kata para sahabat.”<sup>25</sup>

## **5.0 HADIS BERUNSUR UNGKAPAN TIDAK LAYAK BAGI NABI**

Hadis merupakan sebahagian wahyu daripada Allah SWT. Sesuatu hadis pasti terjejas kesahihannya walaupun secara zahirnya tidak bercanggah dengan nas al-Quran, tidak bertembung dengan sunnah yang *thābit*, tidak bertentangan dengan logik akal namun sekiranya matan hadis

---

<sup>24</sup> Ibn Kathīr, ‘Imād Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar al-Baṣrī. 1999. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. Dār al-Taybah. Hlm 443/7.

<sup>25</sup> Ibn al-Qayyim, M. (1983). *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍa‘īf*. Halab: Jam‘iyah al-Ta‘līm al-Shar‘ī. Hlm 62.

mengandungi ungkapan yang tidak layak disebut oleh seorang Nabi. Maka sudah tentu kesahihannya juga ditolak.<sup>26</sup> Justeru, kajian mengklasifikasikan kepada dua kriteria utama. Pertama, ucapan *samājah* (olok-olok). Kedua, *rakākah alfāz* (kejelikan lafaz).

### 5.1 Ucapan *Samājah* (olok-olok)

- i. Hadis nasi sebagai seorang lelaki

لو كان الأرز رجلا لكان حليما ما أكله جائع إلا أشبعه

Maksudnya:

“Sekiranya nasi ialah seorang lelaki, sudah tentu dia akan bersikap lembut, tidaklah seseorang yang lapar memakannya melainkan akan kenyang”.

Hadis ini telah dikritik palsu oleh ramai ahli hadis seperti Ibn Hajar al-<sup>o</sup>Asqalānī dalam kitab *Ajwibah al-Hāfiẓ Ibn Hajar*, Mullā <sup>o</sup>Alī al-Qārī dalam kitab *al-Asrār al-Marfū‘ah*, al-Zurqānī dalam kitab *Mukhtaṣar al-Maqāṣid* dan ramai lagi. Ibn al-Qayyim mengkritik hadis ini sebagai hadis yang berunsur *samājah*. Beliau berkata: “Hadis ini adalah ucapan *samājah* yang terpelihara daripada kenyataan orang yang berakal tambahan pula bagi seorang penghulu para nabi.”<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Ṣalāḥ al-Dīn bin Aḥmad al-Idlibī. 2013. *Manhaj Naqd al-Matn ‘ind ‘ulamā’ al-Ḥadīth al-Nabawī*. Kaherah: Mu’asasah Iqrā’ al-Khiriyyah. Hlm 340.

<sup>27</sup> Ibn al-Qayyim, M. (1983). *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍa‘īf*. Halab: Jam‘iyah al-Ta‘līm al-Shar‘ī. Hlm 54.

ii. Hadis kelebihan *al-Hulbah*

لو يعلم الناس ما في الحلبة اشتروها بوزنها ذهباً

Maksudnya:

“Jika manusia mengetahui apa yang terdapat pada *al-hulbah* (sejenis tumbuhan yang terkenal), sudah tentu mereka akan membelinya dengan emas pada beratnya yang sama.”.

Hadis ini direkodkan oleh al-Ṭabrānī dalam kitab *al-Muʿjam al-Kabīr*. Demikian juga Ibn ʿAdī menghimpun hadis ini dalam kitabnya *al-Kāmil fī Duʿafāʾ al-Rijāl*. Ibn al-Jawzī mengkritik hadis tidak sahih dalam kitabnya *al-Mawdūʿāt*. Selain itu, al-ʿAjlūnī memperincikan lagi mengenai hadis ini diriwayatkan oleh perawi bernama al-Janāʾizī yang dinilai sebagai seorang pendusta dalam hadis. Ibn al-Qayyim menyusun matan hadis ini dalam kategori hadis yang *samājah* serta mengundang cacian manusia apabila mendengarnya. Hadis ini jelas seakan-akan mempermainkan ucapan Nabi SAW.

## 5.2 *Rakākah Alfāz* (Kejelikan Lafaz)

i. Hadis mengandungi kalimah jampi

لا آلاء إلا آلاؤك يا الله إنك سميع عليم محيط به علمك كعسهلون  
وبالحق أنزلناه وبالحق نزل

Maksudnya:

*“Tiada nikmat melainkan nikmatmu Ya Allah. Sesungguhnya engkau yang maha mendengar dan maha mengetahui. Ilmumu meliputi segala-galanya. Kami yang menurunkan al-Quran dengan sebenarnya dan al-Quran diturunkan dengan membawa kebenaran”.*

Lafaz ini didakwa daripada ucapan Nabi SAW. Al-Sakhāwī antara ahli hadis yang mengulas bahkan mengkritik lafaz ini yang tersebar luas pada zamannya. Beliau mengkritik dengan menjelaskan “Ini adalah suatu bidaah dan *lā aṣla lahu* meskipun diucapkan oleh mana-mana tokoh besar.”<sup>28</sup> Mullā °Alī al-Qārī turut mengkritik kalimat *ka’ashalūn* dalam lafaz tersebut. Beliau mengatakan perkataan tersebut adalah lafaz yang *majhūlah* (tidak diketahui) maksudnya kemudian menegaskan haram menjampi dengan lafaz hadis tersebut.<sup>29</sup> Matan seumpama ini sudah cukup membuktikannya bermasalah kerana *rakākah alfāz* (kejelikan lafaz) bagi seorang penutur apatah lagi didakwa ucapannya datang daripada manusia yang paling fasih iaitu Nabi SAW.

## 6.0 KESIMPULAN

Islam merupakan agama syumul yang merangkumi segenap aspek dan ceruk kehidupan manusia di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa

---

<sup>28</sup> al-Sakhāwī, Muḥammad bin °Abd al-Raḥmān bin Muḥammad Shams al-Dīn. 1985. *Maqāṣid al-Ḥasanah fī bayān kathīr min al-Aḥādīth Mushtahirah °alā al-Asīnah*. Beirut: Dar al-Kitāb al-°Arabī. Hlm 715. (No Hadis 1285)

<sup>29</sup> Mullā °Alī al-Qārī, Nūr al-Dīn Abū al-Ḥasan °Alī bin Sulṭān Muḥammad. *al-Asrār al-Marfū°ah fī al-Akḥbār al-Mawḍū°ah*. Hlm 260.

berasaskan risalah Nabi SAW. Oleh itu, sudah pasti sesuatu hadis yang sahih tidak mempunyai unsur-unsur buruk apatah lagi dilihat seperti pengucapnya itu berkepentingan pada hal tertentu. Sifat fatanah pada diri Nabi SAW bahkan turut dikenali sebagai orang Arab yang paling fasih sekaligus menafikan segala ucapan buruk yang direka lalu menyandarkannya kepada baginda.

Nabi SAW menyampaikan setiap perkara berdasarkan wahyu daripada Allah SWT. Hadis Nabi SAW menjadi sumber utama umat Islam dalam menjalani kehidupan beragama di dunia ini. Pemeliharaan kedudukan hadis sebagai khazanah suci perlu sentiasa diutamakan daripada dicemari usaha-usaha jahat. Setiap usaha melakukan pemalsuan terhadap hadis Nabi SAW harus dibanteras sebaiknya.

Justeru, kajian ini berusaha mendedahkan sedikit sebanyak tentang hadis-hadis palsu dan bermasalah yang mengandungi ucapan buruk dan tidak layak bagi Nabi SAW seperti ucapan *samājah* (olok-olok) dan mengandungi *rakākah alfāz* (kejelikan lafaz). Kajian juga turut menonjolkan hadis-hadis yang mempunyai kriteria seumpama ini sebagai salah satu ciri hadis bermasalah dan perlu untuk diteliti sebelum disebar apatah lagi mengamalkannya.



Agama Islam tidak boleh dilihat sebagai medium yang digunakan untuk sebarang kepentingan dunia apatah lagi dipermainkan dengan melakukan rekaan-rekaan seumpama ini lalu menyandarkannya kepada Nabi SAW yang mulia.

## RUJUKAN

- Abū Dāwud al-Sajestānī, S.-A. (1979). *Su'alat Abī Abid al-Ajri Abā Dāwud al-Sajestānī fī al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Madīnah al-Munawwarah: 'Imādah al-Bahath al-'Ilmī bi al-Jāmi'ah al-Islāmiyah al-Madīnah al-Munawwarah.
- al-Bukhārī, M. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Damsyik: Dār Tuq al-Najāh.
- al-Dumaynī, M. (1984). *Maqāyīs Naqd Mutūn al-Sunnah*. Riyadh.
- al-Ghazālī, A. (1993). *al-Mustasfā*. Dār al-Kutūb al-'Ilmiyah.
- al-Ḥarbī, N. (2014). Ma'āyir Naqd Matn 'ind Imām al-Khaṭṭabī. *Tesis Sarjana, 27*. Taibah, Arab Saudi: Taibah University.
- al-Idlibī, Ṣ.-D. (2013). *Manhaj Naqd al-Matn 'ind 'ulamā' al-Ḥadīth al-Nabawī*. Kaherah: Mu'asasah Iqra' al-Khiriyyah.
- al-Munawar, S. (2016). Metode Kritik Matan Hadis Menurut Pandangan Mhadditsin Mutaqaddimin. *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin*, 148-165.
- al-Sakhāwī, M.-R. (1985). *Maqāsid al-Ḥasanah fī bayān kathīr min al-Aḥādīth Mushtahirah 'alā al-Asinah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- al-Sibā'ī, M. (2000). *al-Sunnah wa Makānatuha fī al-Tashrī'*. Dār al-Warāq.
- al-Suyūṭī, '.-R. (1994). *Tadrīb al-Rāwī fī sharḥ Taqrīb al-Nawawī*. Riyadh: Maktabah al-Kawthar.
- Aziz, A. (2015). *Periodisasi Kritik Matan Hadis (Analisis Perkembangan Metodologi Kritik Matan Hadis sejak Periode Permulaan sampai*

- Periode Pasca Atba al-Tabi'in*). Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Ibn al-Qayyim, M. (1983). *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍaʿīf*. Halab: Jamʿiyah al-Taʿlīm al-Sharʿī.
- Ibn al-Ṣalāḥ, U.-R. (1986). *ʿUlūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr al-Muʿāṣir.
- Ibn Fāris, A. (1979). *Muʿjam Maqāyīs al-Lughah*. .: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathīr, ʿ.-F.-B. (1999). *Tafsīr al-Qurʾān al-ʿAzīm*. Dār al-Ṭaybah.
- Ibn Manzūr, M. (1993). *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Maswara, H. (2013). Kritik Matan Hadis Di Kalangan Sahabat. *TAHKIM: JURNAL HUKUM DAN SYARIAH*, 9(2), 147-172.
- Mullā ʿAlī al-Qārī, ʿ. (1986). *al-Asrār al-Marfūʿah fī al-Akḥbār al-Mawḍūʿah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Saputra, T. (2008). Kritik Matan Hadis: Studi Komparatif Pemikiran Ibn Qayyim al-Jauziyyah dan Muhammad al-Ghazali. *Tesis Sarjana*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Suryadinata, M. 2020. Kritik Matan Hadis : Klasik Hingga Kontemporer. *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddīn* 2(2). doi:10.15408/ushuluna.v2i2.15183
- Vengara, S. (2018). Naqd Matn al-Ḥadīth: Tārīkhhu wa Maqāyisuhu wa manāhij al-ʿUlamāʾ Fīhi. *Tesis Sarjana*. Kerala, India: Darul Huda Islamic University.